

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Raih Pengiktirafan Tertinggi di Anugerah Starproperty 2024 Dengan Kemenangan “All-Stars” Untuk Dua Tahun Berturut-Turut

- Sime Darby Property diiktiraf sebagai pemaju harta tanah berprestasi terbaik negara, di samping turut memenangi sembilan kategori lain;
- Anugerah tersebut mengiktiraf sumbangan Syarikat dalam meningkatkan industri harta tanah di Malaysia.

ARA DAMANSARA, 16 MEI 2024 –Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah diiktiraf sebagai pemaju harta tanah berprestasi terbaik negara dengan kemenangan ‘All-Stars’ buat kali kedua berturut-turut di Anugerah StarProperty 2024 – edisi Pemaju Hartanah. Syarikat memenangi 10 anugerah termasuk Anugerah Pilihan Pembaca untuk Pemaju Paling Digemari dan Pencetus Berita Tahun Ini, yang mencerminkan keyakinan orang ramai terhadap jenama Sime Darby Property.

“Kami sangat berbesar hati untuk diiktiraf di kalangan rakan-rakan industri yang dihormati. Anugerah-anugerah ini mencerminkan semangat kami untuk mempertingkatkan industri harta tanah di Malaysia dengan pembangunan bertaraf dunia melalui kepakaran kami, dan dipandu oleh tadbir urus yang kukuh,” kata Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican.

Tambah Dato’ Azmir: “Kami akan terus memenuhi keperluan pembeli-pembeli rumah yang kian berubah serta pemain-pemain komersial dan industri dengan pembangunan yang inovatif dan mampan, selaras dengan Matlamat kami untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet.”

Tahun ni, perbandaran milik Sime Darby Property iaitu Serenia City telah menerima Anugerah Hartanah Perniagaan untuk kategori Pembangunan Taman Perindustrian Terbaik dan Anugerah Kepadatan Rendah Terkemuka. Bukit Jelutong memenangi Anugerah Mewah - Pembangunan Hartanah Mewah Terbaik (Bertanah), yang diberikan kepada pembangunan dengan reka bentuk seni bina bertaraf dunia dan reka bentuk dalaman yang terbaik.

Bandar Bukit Raja pula meraih Anugerah Kesedaran Bumi untuk Pembangunan Mampan Terbaik (Perbandaran), yang menunjukkan komitmen perbandaran tersebut untuk mengekalkan piawaian kelestarian yang tinggi. Selain itu, Bandar Universiti Pagoh telah memenangi Anugerah Bintang Selatan - Pembangunan Malaysia Selatan Terbaik, dengan Ara Damansara menerima Anugerah Mesra Keluarga, Pembangunan Berpusatkan Keluarga Terbaik (Bertingkat Tinggi). Parc oleh SJCC telah dianugerahkan dengan Anugerah Placemaker yang mengiktiraf peranan Sime Darby Property dalam mencipta ruang yang harmoni dan dinamik.

Anugerah StarProperty 2024 – edisi Pemaju Hartanah meraikan pemaju-pemaju harta tanah yang telah menyumbang kepada pertumbuhan industri harta tanah negara. Ia mengiktiraf pembangunan yang membina masyarakat, termasuk bangunan mercu tanda, inisiatif mampan ekologi, dan perbandaran bersepadu.

“Terima kasih kepada StarProperty dan panel juri yang arif atas pengiktirafan ini dan juga kepada semua pengundi atas kepercayaan mereka terhadap Sime Darby Property. Kami akan berusaha untuk membawa pembangunan yang lebih inovatif, mampan dan

berorientasikan komuniti di samping terus meningkatkan standard industri harta tanah di Malaysia," kata Dato' Azmir.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampuan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2023, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju harta tanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com